# MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD

(Company No. 902884-V)

***(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)***

## KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("**MRT Corp**") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp. ingin mempelawa Broker Insurans ("**Petender**") yang berpotensi untuk mengambil bahagian di dalam RFP bagi perkhidmatan Broker Insurans seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

| TAJUK DAN NOMBOR RFP | SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN | TAKLIMAT RFP (MANDATORI) | |
|---|---|---|---|
| **PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 1: KAJANG LINE DAN LALUAN 2: PUTRAJAYA LINE**<br><br>***REQUEST FOR PROPOSAL ("RFP") FOR A LICENSED INSURANCE BROKER TO RENEW GENERAL INSURANCE FOR MULTI-STOREY PARK N' RIDE(MSPR), AT-GRADE PARK N' RIDE (AGPR) AND POCKET LANDS ("SERVICES")***<br><br>**RFP NO.: MLP-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000001** | **Memiliki dokumen yang sah seperti berikut:**<br><br>**i. Sijil Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);**<br><br>**ii. Lesen Broker Insurans yang dikeluarkan Bank Negra Malaysia (BNM);**<br><br>**iii. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status:Patuh) dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** | Tarikh **: Isnin, 16 November 2026**<br><br>Masa **: 10:00 pagi**<br><br>Lokasi **: Google Meet**<br><br>**(Pautan taklimat akan dihantar ke alamat e-mel yang dinyatakan dalam pendaftaran atas talian)** | Bagi menyertai taklimat RFP ini, Petender yang berminat dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu daripada pautan di bawah:<br><br>1. Laman Web MRT Corp. www.mymrt.com.my; atau<br>2. https://forms.gle/JragHfGBGGpFTcf86 atau<br>3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.<br><br>Pendaftaran akan dibuka mulai **Khamis, 5 November 2026 sehingga Jumaat, 13 November 2026.** Hanya Petender yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan sahaja akan dibenarkan menghadiri sesi taklimat RFP. Kehadiran adalah **WAJIB,** dan Petender tidak dibenarkan untuk menyertai RFP sekiranya gagal hadir ke sesi taklimat RFP.<br><br>Seramai dua (**2**) orang wakil daripada setiap Petender sahaja dibenarkan menghadiri sesi taklimat RFP.<br><br>Wakil-wakil daripada pihak Petender yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang Broker Insurans dan kontrak untuk perkhidmatan yang dinyatakan, serta diberi kuasa oleh syarikat. Salah seorang wakil haruslah terdiri daripada jawatan berikut:<br><br>1. Pengarah Urusan; atau<br>2. Pengurus Pembangunan Perniagaan; atau<br>3. Pakar Risiko / Penaja Jamin |

1. Dokumen RFP hanya akan diberikan melalui e-mel yang telah didaftarkan kepada Petender yang layak tanpa sebarang caj bayaran.

2. Petender wajib menyerahkan dokumen RFP yang telah lengkap termasuk segala maklumat sokongan yang diperlukan dan ditetapkan dalam dokumen RFP.

3. Tarikh akhir serahan bagi dokumen RFP adalah pada hari **Selasa, 1 Disember 2026 dan tidak lewat daripada jam 12:00 tengahari**. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Petender lewat menyerahkan dokumen RFP tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.

4. Dokumen RFP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas tajuk RFP dan nombor RFP pada bahagian atas tengah sampul surat dan diserahkan di alamat berikut:

**Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.**
**Jabatan Perolehan (Kaunter Tender),**
**Tingkat 6, Menara I&P 1,**
**No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara,**
**50490 Kuala Lumpur.**

5. Selain daripada syarat-syarat di atas, Petender **WAJIB** memenuhi **Kriteria Mandatori** seperti berikut:

| KRITERIA MANDATORI TEKNIKAL |
|---|
| i. Syarikat telah ditubuhkan di Malaysia tidak kurang daripada lima (**5**) tahun.<br>ii. Petender mestilah mempunyai pengalaman terbukti dalam menyediakan perkhidmatan pembrokeran insurans bagi perkara berikut:<br>a) *Fire & Extraneous Perlis* – Insurans Kebakaran dan Bencana<br>b) *Public Liability* – Insurans Liabiliti Awam |
| **KRITERIA MANDATORI KEWANGAN** |
| i. Purata baki bank bagi tempoh tiga (**3**) bulan berturut-turut hendaklah **positif.** |

**Nota:**

1. Penyertaan melalui syarat Usahasama/ Konsortium adalah tidak dibenarkan.

2. MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen RFP daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Petender mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Petender terhadap penolakan serahan dokumen RFP tersebut.

3. Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada **procurement.aom@mymrt.com.my**. Petender boleh melayari laman web **www.mymrt.com.my** untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.